

Lynas Corp ingin jumpa saya, kata Guan Eng
The Malaysian Insider
6 Mac , 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 6 Mac — Lim Guan Eng hari ini berkata Ketua Pengarah Eksekutif (CEO) Lynas Corporation, Nick Curtis, telah membuat pelawaan rasmi kepada Ketua Menteri Pulau Pinang itu untuk mengadakan perjumpaan dalam lawatannya ke Australia 23 Mac ini.

Lim (gambar) berkata kepada pemberita bahawa Curtis telah membuat pelawaan tersebut melalui emel kepada kakitangan pejabatnya semalam dan menjelaskan beliau akan "menerangkan secara terperinci" berkenaan Kilang Lynas di Gebeng, Kuantan, Pahang.

"Lawatan saya ke Australia sebagai lawatan rasmi kerajaan Pulau Pinang, dan akan memberi syarahan kepada pelajar di University of Melbourne pada 23 Mac," katanya.

"Saya bukan pergi berbincang berkenaan merundingkan berkenaan kumpulan anti-Lynas, Himpunan Hijau.

"Secara peribadi, saya tidak akan berjumpa beliau (Curtis), tetapi beliau harus datang ke Malaysia dan bertemu sendiri dengan NGO anti-Lynas," tambahnya.

Ahli Parlimen Bagan itu menjelaskan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang, beliau bukanlah pihak yang berkenaan terhadap pembangunan nadir bumi di kilang Lynas berkenaan.

"Saya Ketua Menteri Pulau Pinang, bukan Pahang. Beliau harus bertemu dengan kumpulan dari Kuantan," tegasnya.

Setiusaha Kerja DAP Pahang, Lee Chin Chen, yang turut hadir ketika sidang media berkenaan, berkata Himpunan Hijau akan mengadakan mesyuarat malam ini berhubung perkara itu.

"Kami akan membincangkan perkara itu malam ini dan akan membuat keputusan berkenaan pelawaan beliau," katanya yang juga merupakan ahli jawatankuasa kepada Himpunan Hijau.

Ribuan kumpulan penentang anti-Lynas telah mengadakan demonstrasi besar-besaran anjuran Himpunan Hijau minggu lalu ekoran kilang memproses nadir bumi yang dijangka akan mula beroperasi penghujung tahun ini.

Mereka menuntut kerajaan menarik balik pemberian lesen operasi sementara (TOL) yang di serahkan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB), yang mana akan memberikan lesen operasi sementara selama dua tahun.

Mereka turut mendakwa pelombong Australia itu tidak memberikan jaminan berkenaan bagaimana mereka akan menguruskan sisa radiaktif yang akan dihasilkan kilang Lynas.

Kerajaan menerima tekanan daripada kumpulan yang mendesak supaya kilang itu ditutup, tetapi Putrajaya tetap dengan pendirian untuk meneruskan projek berkenaan yang pada

mulanya di cadangkan di Terengganu.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata kepada Sin Chew Daily minggu lalu bahawa Lynas akan menghantar sisa berkekaan ke Australia, walaupun kerajaan Australia menegaskan untuk tidak akan menerima sisa berkekaan.

Namun begitu, kumpulan anti-Lynas mendakwa Malaysia akan melanggar syarat antarabangsa apabila menghantar sisa berkekaan keluar daripada lokasi ia diproses.

Syarikat berkekaan tetap dengan pendirian mereka bahawa sisa berkekaan tidak merbahaya, dan sisanya boleh dikitar semula untuk kegunaan komersial.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/lynas-corp-ingin-jumpa-saya-kata-guan-eng/>